

# Arshad terima anugerah Mutiara Budi



**PUTRAJAYA** 21 Mac – Tan Sri Dr. Arshad Ayub malam ini menerima Anugerah Mutiara Budi iaitu pengiktirafan tertinggi Kementerian Kewangan atas jasa besar beliau dalam merangka dasar-dasar kewangan negara, perancangan ekonomi, perusahaan pertanian dan pembangunan wilayah sejak tiga dekad lalu.

Arshad, 79, yang juga bekas Ketua Setiausaha Kementerian Tanah dan Pembangunan Wilayah, begitu sinonim dengan pembangunan institusi pendidikan profesional Melayu terawal iaitu Kolej Mara sebagai Pengetua sebelum menjawat Pengarah Pertama dari 1967 hingga 1975 selepas dinaik taraf menjadi Institut Teknologi Mara.

Anugerah disampaikan oleh Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop padasatu majlis di sini malam ini.

Menurut Nor Mohamed, pengiktirafan itu dibuat berasaskan sumbangan besar tokoh tersebut kepada pembangunan sosio-

**NOR MOHAMED Yakcop menyampaikan anugerah Mutiara Budi kepada Arshad Ayub sambil diperhatikan oleh isteri, Zaleha Mohd. Arshad pada majlis Anugerah Mutiara Budi di Kementerian Kewangan, Putrajaya, malam tadi.**

— Gambar SAIFUL BAHARI ASHARI

Um - 22/3/2007  
ekonomi sepanjang kerjaya dalam pentadbiran kerajaan bagi memastikan negara terus mencapai kemajuan.

“Kita rasa selain penghargaan yang diberikan, tidak syak lagi ia merupakan satu landasan bagi dicontohi oleh generasi muda dalam proses membangunkan kehidupan bangsa dan kemajuan negara.

“Ini kerana tokoh yang kita raikan adalah orang tidak mengenal erti bersara daripada menabur jasanya kepada negara,” katanya ketika berucap pada majlis penyampaian anugerah tersebut di sini malam ini.

Hadir sama Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin dan Datuk Dr. Ng Yen Yen, Setiausaha Parlimen kementerian, Datuk Dr. Hilmi Yahaya serta isteri Arshad, Puan Sri Zaleha Mohd. Arshad.

Arshad yang merupakan anak kelahiran Muar, Johor mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Parit Keruma, Muar sebelum menyambung pelajaran ke Sekolah Inggeris Persediaan dan Sekolah Inggeris Kerajaan.

Dengan kelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut Cambridge pada 1948, beliau melanjutkan pengajian ke Universiti Malaya di Singapura dari 1949 hingga 1951.

Kerjaya beliau bermula sebagai Kadet Penolong Pegawai Pembangunan Luar Bandar pada 1951 sebelum menjadi pegawai tadbir (MCS) pada 1958 dan berkhidmat di pelbagai peringkat jawatan pegawai

dalam jabatan kerajaan termasuk Perbendaharaan.

Antara jawatan penting yang pernah disandang ialah Timbalan Gabenor Bank Negara (1975-1977), Timbalan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri; Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama (1978) dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian (1979-1981).

Beliau turut terlibat dalam pembangunan institusi pendidikan dan ekonomi negara antaranya pernah menduduki jawatankuasa penubuhan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta menjadi ahli Lembaga Pengarah Institut Profesional Baitulmal.

Sebagai tokoh yang terlibat dalam perancangan dan pengurusan kewangan negara, peranan beliau terserlah dalam Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Negara (1977-1983) serta Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (1975-1980).

Di bidang sains dan pertanian, beliau pernah menjadi Pengerusi Bersama Projek Bersepadu Pembangunan Pertanian Johor Barat; Barat Laut Selangor; Pahang Barat; Besut, Terengganu dan Endau-Rompin, Johor.

Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Petugas merangka Dasar Pertanian Negara yang pertama dan pernah membantu Suruhanjaya Gaji Harun bagi penyesuaian gaji warga badan-badan berkanun.